

[< Go back to Article Page](#)[Print Article](#)

Zaman berubah, silat berkembang

BERITA HARIAN, 30 May 2003, Page 27

Zaman berubah, silat berkembang

SERAMBI WARISAN

Sumbangan Taman Warisan Melayu

OLEH

ARIF ZAHARI

SETIAP peralihan zaman, setiap itulah pencak silat juga mengalami perubahan dari segi amalan atau pelaksanaannya.

Gerak langkah jarang berubah-ubah. Yang ditokok tambah biasanya adalah amalan-amalan yang diterapkan mengikut zaman dan anutan masyarakatnya. Hal-hal yang disertakan dalam amalan pencak silat merupakan panduan dari segi agama, budaya dan kepercayaan.

Ada juga yang menyertakan amalan keyakinan yang dipercayai dapat menguasai sesuatu yang ghaib sehingga kadangkala menjadikan manusia lupa akan dirinya itu adalah manusia biasa.

Begitu penting kedudukan ilmu pencak silat dulu, maka setiap perguruan akan cuba mengatasi yang lain. Ini dilakukan dengan cara menambahkan kandungan isi pelajarannya, termasuk tambahan yang dikatakan amalan kebatinan.

Pada zaman awalnya, walau di mana pun pencak silat diajarkan atau dipelajari, yang pasti pelajarannya sangat dirahsiakan. Berasal dari bentuk gerak bela diri semula jadi, ia menjadi gerak pertahanan diri yang diatur dan teratur. Seterusnya, ia menjadi seni mempertahankan diri yang kemudiannya dinamakan 'pencak' oleh kaum Jawa dan 'silat' bagi orang Melayu.

Apa yang penting dipelihara ketika itu adalah cara menyimpan kandungan pelajaran yang telah diatur dan digubah. Lebih penting lagi ialah cara menyimpan rahsia gerak-gerak langkah pukulan melumpuh dan pukulan maut, jenis-jenis buah pukulan, kuncian dan yang seumpamanya. Gerak langkah biasa dapat diingati dengan cara latihan-latihan yang dijalankan, begitu juga dengan penurunannya kepada para pelatih.

Perkara-perkara yang dianggap rahsia biasanya diabadi dan dilestarikan juga secara rahsia untuk simpanan peribadi para mahaguru. Mengikut masa dan tamadun serta teknologi sesuatu zaman itu dan kebolehan para mahaguru itu sendiri, semua yang dianggap rahsia telah dicatatkan dengan menggunakan pelbagai bahan dan cara. Catatan dibuat di mana-mana yang difikirkan sesuai dengan menggunakan bahan-bahan yang awet.

Pada peringkat awalnya, catatan-catatan dibuat dengan hanya menggunakan rajah-rajah pergerakan yang berupa contengan bahan-bahan berwarna ke permukaan dedaun jenis palma yang dikeringkan.

Daun-daun ini dipotong dan disambung-sambung dengan tali pada bahagian yang dilubangkan. Ada juga yang dibuat menggunakan goresan dengan benda-benda tajam yang merupakan ukiran-ukiran halus di permukaan bahan yang lebih tahan seperti kepingan kulit kayu atau kepingan kayunya.

Sejak dulu lagi, telah menjadi semacam kebiasaan para guru pencak silat untuk tidak menurunkan sepenuh pengetahuannya kepada penuntut, kecuali, mungkin kepada jurulatih terkanan atau penuntut kesayangannya.

Itu pun tidak keseluruhannya dan masih ada lagi rahsia-rahsia penting yang disimpannya sebagai cagar kecemasan. Hal ini berlaku bukan sebab ketiadaan calon yang sesuai, tetapi lebih kepada takutkan 'senjata makan tuan'.

Di Singapura, pada setengah abad lalu, di kampung-kampung biasanya ada kumpulan-kumpulan — silat, hadrah dan kompiang, marhaban, kendarat dan lain-lain. Kumpulan-kumpulan ini memberikan berbagai-bagai khidmat kepada penduduk di majlis perkahwinan dan perayaan kampung serta antara kampung. Kumpulan-kumpulan ini dianggotai oleh muda-mudi kampung dan dari kampung-kampung yang berdekatan, tetapi tiada kumpulan yang mencampurkan kaum lelaki dengan perempuan.

Kursus silat di kampung pada masa itu hanya diadakan pada malam hari selepas solat isyak hingga kira-kira 11 malam, dua atau tiga kali seminggu. Latihan dimulakan dengan bacaan doa dan Al-Fatihah lalu diikuti dengan latihan mengulang kaji pelajaran secara beramai-ramai. Apabila didapati penuntut-penuntut telah lancar akan semua gerak yang dilakukan berulang-ulang itu, guru akan mengajarkan langkah baru untuk dilakukan beramai-ramai.

Selepas itu barulah latihan dibuat bersendirian oleh penuntut-penuntut dalam kumpulan dua tiga orang serentak sambil diawasi dan dipandu guru.

Sewaktu rehat, ada minuman yang disediakan oleh guru iaitu air teh halia panas. Namun, ada juga penuntut-penuntut yang mahukan minuman sejuk pergi menghilangkan diri ke kedai berhampiran ketika guru lepa. Gara-gara perbuatannya itu, ia di gelar si 'polan cikung' kerana setiap kali keluar ia membeli minuman cikong sejuk.

Pada waktu rehat itu jugalah guru dan penuntut bersembang-sembang sambil berehat dan menghilangkan dahaga. Masa inilah kadang-kadang guru bercerita sedikit tentang kisah dirinya berguru di tempat asalnya sebelum berhijrah dan bermastautin di Singapura. Guru ini juga ada membawa peralatan wayang kulit ketika datang dan menurut khabarnya ia juga boleh mendalangi cerita-cerita wayang untuk dilayarkan.

Walaupun tidak banyak yang diceritakan, mengingati apa yang pernah dikatakan-

nya seolah-olah seperti datangnya dari cerita filem, TV, atau komik persilatan kini. Antaranya yang menarik ialah mengenai cara belajar dan ujian yang dijalankan sangat mencabar. Setelah tamat, masing-masing murid akan pergi merantau keluar berguru kepada para guru terbilang yang dicadangkan oleh gurunya itu.

Menurut ceritanya lagi, ilmu silat yang dipelajari pada peringkat ini lebih payah dan mencabar dari segi latihan dan kegiatan-kegiatan tambahan yang perlu dijalankan sendiri oleh setiap penuntut di luar kawasan perguruan.

Selepas tamat peringkat itu, mereka masuk ke peringkat pengkhususan mempelajari ilmu kependekaran, kedukunan, mempelajari ilmu-ilmu ghaib dan lain-lain. Seperti adatnya orang menuntut ada yang berjaya dan ada yang tidak; ada yang menjadi pendekar ada yang menjadi penjahat, itulah kenyataannya.

Berbalik semula pada persilatan di kampung, kursus atau pelajaran silat biasanya diadakan dalam jangka waktu yang singkat antara enam bulan dengan setahun. Bayaran yang dikenakan berbeza-beza di setiap kampung iaitu antara \$3 dengan \$5 sebulan bagi kursus dua atau tiga kali seminggu.

Minuman sekadarnya akan disediakan oleh guru pada setiap latihan. Belajar silat ini adalah salah satu kegiatan sukan pemuda-pemuda kampung selain bermain badminton dan bola sepak pada masa itu.

Nota: Penulis ialah guru pesara, pandai pelbagai kerja tangan dan kurator Muzium Melayu Mini Kelab Masyarakat Kampung Ubi



Turut berkembang: Berasai dari bentuk gerak bela diri semula jadi, silat menjadi gerak pertahanan diri yang diatur dan teratur dan kini menjadi kegiatan sukan.

FOTO HIASAN